

KETEPIKAN KEPENTINGAN PERIBADI—Dr. M

ALOR SETAR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini, pembahagian kerusi kepada parti komponen Barisan Nasional adalah bagi menjamin kerajaan sekarang mendapat mandat seterusnya pada 22 April ini.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional meminta semua anggota parti komponen Barisan Nasional termasuk yang tidak terpilih sebagai calon mengeneipkan kepentingan peribadi dan

sebaliknya berusaha menjamin peluang cemerlang bagi Barisan Nasional mendapat mandat rakyat.

"Semua mesti bekerja keras tanpa henti selama 24 jam dalam tempoh dua minggu ini bagi kemenangan besar Barisan Nasional," tegas beliau kepada para pemberita di kediaman Menteri Besar di sini petang ini.

"Kita hendaklah menyokong parti bukan orang perseorangan kerana parti bukan milik peribadi dan juga milik saya sendiri," katanya.

Perdana Menteri men-

jelaskan pemilihan calon dibuat dengan adil dan mengambil kira beberapa faktor seperti umur, kebolehan dan berapa kali telah bertanding.

Katanya, bagaimanapun rasa tidak puas hati tidak dapat dielakkan. Kalau calon-calon baru dipilih calon yang lama tidak puas hati begitu juga sebaliknya.

"Walaupun keadaan tidak puas hati ada, tetapi saya berharap demi kejayaan Barisan Nasional semua mereka sama ada terpilih atau tidak tetap bekerja sama demi

kepentingan parti sendiri," ujarnya.

Kempen

Menyentuh kemungkinan mereka yang tidak terpilih akan menentang Barisan Nasional, Perdana Menteri menjawab ringkas: "Kita tengok saja."

Mengenai kempen Barisan Nasional, Perdana Menteri berkata Barisan Nasional tidak akan menggunakan isu-isu agama dan perkauman bagi mendapat kemenangan.

"Kita akan tekankan tentang kerajaan yang

cekap, bersih dan amanah," ujarnya.

Katanya lagi, walaupun PAS mempunyai strategi Melayu, agama dan sebagainya, tetapi ini tidak membimbangkan Barisan Nasional.

"PAS memang banyak strategi kerana bagi mereka setiap kali pilihanraya barulah buat strategi," tambah beliau.

Berkemungkinan pembahagian kerusi, Perda-

na Menteri menjelaskan perkara itu dibuat dengan teliti supaya semua pihak dapat memainkan peranan masing-masing.

Umpamanya, perletakan calon Berjasa di Parlimen Kota Setar, dibuat memandangkan Berjasa, parti komponen Barisan Nasional yang memainkan peranan penting dan yakin calon itu akan berjaya.